

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2014

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana khas (royalti) Terengganu dari 2008 hingga 2013 yang telah diberikan kepada negeri Terengganu dan nyatakan jumlah perbelanjaan pembangunan dari peruntukan tersebut.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh tahun 2008 hingga 2013 jumlah wang ehsan daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu adalah berjumlah RM10.614 bilion. Jumlah ini telah digunakan untuk membiayai Bajet Negeri Terengganu yang dilulus oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Oleh itu, perincian perbelanjaan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan peruntukan tersebut boleh dirujuk dengan Pihak Berkuasa Negeri.